

Headline	Eksport kayu menurun		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	13 Oct 2016	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	722 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,363
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,089



Penurunan sebanyak 5.77 peratus iaitu daripada RM4.2 bilion kepada RM4 bilion

Eksport kayu menurun

LIONG CHAI LING

MIRI: Eksport kayu dan produk-produk kayu negeri ini mencatat penurunan sebanyak 5.77 peratus iaitu daripada RM4.2 bilion bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun lalu kepada RM4 bilion tempoh sama tahun ini.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, kelembapan eksport kayu dan produk kayu dari Sarawak itu berpunca daripada permintaan pasaran dunia yang agak lembab tahun ini.

"Suasana ekonomi dunia yang kurang memberangsangkan yang mana ia turut menjejaskan prestasi perdagangan barangan kayu di pasaran global.

"Bagaimanapun, nilai eksport kayu di utara Sarawak masih tinggi iaitu 60 peratus daripada nilai eksport keseluruhan Sarawak yang direkodkan dan ini membuktikan kekuatan industri perikanan di utara Sarawak ke arah menyumbang kepada pendapatan negeri secara keseluruhannya," katanya.

Beliau yang juga Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua berkata demikian pada Majlis Perasmian Bangunan Baru Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) di Marina Square di sini, semalam.

Bangunan baru enam tingkat yang bernilai RM12 juta itu merupakan mercu tanda bagi Pejabat PUSAKA Wilayah Utara untuk terus menerajui industri perikanan di Sarawak khususnya bagi operasi di bahagian utara yang melibatkan Miri, Bintulu,



DIRASMIKAN ... Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan diiringi Datuk Julaihi Narawi dan Datu Sarudu Hoklai, semasa menandatangani plak sebagai simbolik merasmikan Bangunan PUSAKA Pejabat Wilayah Utara, di Marina Square, di Miri, semalam. Turut kelihatan Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Abdul Aziz Husain serta Datu Sudarsono Osman. • FOTO: AWANG KUSHAIRY JUNAIDI

Limbang dan Lawas.

Awang Tengah yang juga merangkap Pengerusi Lembaga Pengurusan PUSAKA berkata sebanyak 1,478 syarikat tempatan berdaftar dengan PUSAKA membabitkan 50,000 pekerja.

"Ini menggambarkan betapa pentingnya industri kayu di negeri ini untuk meningkatkan sosioekonomi penduduk khususnya penduduk di luar bandar," katanya.

Selain itu, Awang berkata, Kerajaan Negeri merancang untuk mengusahakan tanaman buluh secara besar-besaran di negeri ini dengan kerjasama **Institu**

Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Selangor.

"Baru-baru ini saya sempat berkunjung ke China dan meninjau potensi tanaman buluh dan ia terbukti menguntungkan pengusahanya menerusi pelbagai produk yang dihasilkan termasuk seluar dan baju yang selesa dipakai," katanya.

Dalam pada itu, Awang Tengah turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian (MOA) Lesen e-Permit antara PUSAKA dan Dagang Net Technologies Sdn Bhd.

Menerusi perjanjian itu, PUSAKA diberikan lesen bukan eksklusif dan tidak boleh pindah milik untuk

penggunaan aplikasi e-Permit secara atas talian.

E-Permit merupakan antara enam perkhidmatan yang ditawarkan National Single Window (NSW) untuk Fasilitasi Perdagangan yang membolehkan agensi berkaitan mengeluarkan permit dan mendapatkan kelulusan secara atas talian.

Turut hadir, Pengurus Besar PUSAKA, Datu Sarudu Hoklai, Timbalan Pengurus PUSAKA, Hashim Bojet, Pengerusi Eksekutif Dagang Net Technologies Sdn Bhd, Datuk Samsul Husin serta ahli-ahli Lembaga Pengurusan PUSAKA.



TERSERGAM INDAH ... Bangunan PUSAKA Pejabat Wilayah Utara, di Marina Square, di Miri.